

Istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-15 berlangsung esok

# Sistem giliran cerminkan kedaulatan negara

KOSMO  
24/4/17  
MLS 11

**KUALA LUMPUR** – Pemilihan Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara secara bergilir melambangkan kestabilan sistem pentadbiran yang diguna pakai di negara ini sejak merdeka.

Memetik buku *Dustur Wa Salatin* tulisan Datuk Wira Dr. Khairil Annas Jusoh terbitan 2014, Malaysia merupakan satu daripada 43 buah negara di dunia yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Daripada 43 negara itu, 36 daripadanya mengamalkan sistem raja berperlembagaan manakala lima yang lain mengamalkan sistem beraja kuasa mutlak dan dua negara iaitu Bahrain dan Emiriyah Arab Bersatu mengamalkan sistem beraja campuran mutlak serta berperlembagaan.

Negara yang mengamalkan sistem beraja mutlak ialah Brunei, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Switzerland.

Antara negara masih mengamalkan



SULTAN MUHAMMAD V (tengah) berkenan melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada Istiadat Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 13 Disember tahun lalu.

yang mempunyai raja iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan.

Tujuh daripada negeri tersebut menggunakan gelaran Sultan manakala Perlis memakai gelaran Raja. Negeri Sembilan pula menggunakan gelaran Yang Dipertuan Besar.

Sejak 1957, kesemua pemerintah bergilir-gilir menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong bermula dengan Negeri Sembilan diikuti Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Johor dan Perak.

Sultan Muhammad V dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 mengganti-

gara, Kuala Lumpur esok.

Menurut Ketua Lajnah Kajian Strategik Majlis Ittihad Ummah, Datuk Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, apabila penggiliran ini masuk ke pusingan kedua, ia dijadikan asas memilih Yang di-Pertuan Agong.

Bagaimanapun, kaedah itu bukan sesuatu yang bertulis kerana pemilihan Yang di-Pertuan Agong masih memerlukan undi majoriti Raja-Raja Melayu.

“Sistem penggiliran penting kerana ia mencerminkan kedaulatan negara dipegang oleh raja-raja secara bergilir setiap lima tahun selain melangsungkan



PERTABALAN Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 esok mencerminkan kekukuhan sistem raja berperlembagaan di Malaysia.

muniti Universiti Malaysia Perlis, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam berkata, sejarah kerjasama antara Raja-Raja Melayu telah berlaku sejak lebih 100 tahun lamanya.

“Kita lihat Majlis Mesyuarat Raja-Raja sejak Mesyuarat Durbar pada 1897 sudah bersidang sebanyak 244 kali. Maknanya, daripada sistem pentadbiran, institusi raja-raja dan Majlis Raja-Raja sudah jelas nampak ketahanannya.

“Sistem Parlimen kita hanya berusia 60 tahun. Ini membuktikan ia boleh terima cabaran semasa, boleh hidup dalam keadaan sejak pemerintahan cara tradisional, kemudian dengan kedatangan British, Jepun, sewaktu merdeka dan sehingga terbentuknya Malaysia,” kata beliau. – Bernama



WAN AHMAD FAUZI



RAMLAH

sistem raja berperlembagaan antarabangsa seperti Belgium, Bhutan, Kemboja, Jepun, Lesotho, Luxembourg, Monaco, New Zealand, Sweden, Thailand dan Britain.

Di Malaysia, terdapat sembilan negeri

kan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan pada 12 Disember tahun lepas.

Istiadat pertabalan Seri Paduka akan berlangsung di Balairung Seri, Istana Ne-

keadah pemilihan melalui syura atau baiah," jelas Wan Ahmad Fauzi ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Ko-

● Istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-15, Sultan Muhammad V esok akan disiarkan secara langsung melalui TV1 Radio Televisyen Malaysia.

# Sultan Muhammad V pentingkan ilmu agama

**KOTA BHARU** - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V merupakan seorang pemerintah yang begitu menitikberatkan tentang kepentingan menimba ilmu agama apabila sebelum ini baginda sering menghadiri kuliah di Masjid Sultan Muhammad II, Telipot di sini.

Malah Seri Paduka telah menitahkan agar Istana Telipot di sini dipasang pembesaran suara yang disambungkan secara terus dari Masjid Sultan Muhammad II bagi membolehkan baginda mengikuti kuliah agama atau mendengar laungan azan dari masjid berkenaan yang terletak kira-kira 100 meter dari istana berkenaan.

Imam Tua masjid berkenaan, Ahmad Yunoh, 42, berkata, Sultan Muhammad V menitahkan perkara itu bagi membolehkan baginda mendalami ilmu agama jika

tidak berkesempatan hadir mengikuti kuliah agama di masjid berkenaan.

"Saya kagum dengan keinginan dan cadangan yang disuarakan Seri Paduka itu kerana jelas baginda amat menitikberatkan soal agama dalam kehidupannya," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Beliau berkata, Seri Paduka menitahkan perkara itu beberapa tahun lepas ketika masih bergelar pemangku Sultan Kelantan.

"Walaupun Seri Paduka kini berada di Kuala Lumpur, baginda meminta agar pembesaran suara itu terus kekal dipasang seperti biasa," katanya.


Mengulas lanjut, Ahmad berkata, beberapa tahun lepas Seri Paduka turut membuat transformasi kepada penguasaan masjid tersebut apabila menitahkan imam, bilal atau Ahli Jawatankuasa (AJK)

masjid sendiri membaca al-Quran berbanding memutarakan bacaan ayat-ayat suci itu menerusi kaset atau cakera padat.

Ahmad berkata, beliau bersama AJK masjid yang lain kini bergilir-gilir memperdengarkan bacaan al-Quran selama 15 minit sebelum azan dilaungkan.

Beliau berkata, pada waktu Subuh, Seri Paduka gemar mengenakan jubah berwarna putih dan sering memperuntukkan waktu untuk duduk di mana-mana sudut masjid untuk berwirid atau membaca al-Quran.

"Seri Paduka tidak pernah meminta pihak masjid menyediakan tempat khas untuk baginda. Sifat rendah diri Sultan Muhammad V amat terkesan dalam hati kami dan ia menunjukkan tiada sempadan antara umat manusia di sisi Allah," katanya.



SULTAN MUHAMMAD V berdo'a pada majlis bacaan Surah Yasin, doa selamat dan solat hajat sempena Hari Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Masjid Putra, Putrajaya baru-baru ini.

INFO

Jadual acara sempena Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-15

**24 April 2017**

● Istiadat Pertabalan Seri Paduka di Balairung Seri, Istana Negara bermula pukul 9.30 pagi

● Majlis Santapan Diraja di Dewan Santapan, Istana Negara bermula pukul 8 malam

**28 April 2017**

● Khutbah khas solat Jumaat akan diadakan di Masjid Putra, Putrajaya

**2 Mei 2017**

● Majlis pelancaran Pameran Raja Kita di Muzium Diraja, Kuala Lumpur bermula pukul 10 pagi

**3 Mei 2017**

● Pameran Raja Kita di Muzium Diraja, Kuala Lumpur dibuka kepada orang ramai